




JABATAN MUFTI NEGERI PERAK



KENYATAAN RASMI BIL. 11/2019

MEMBINA KEBERTANGGUNGJAWABAN BERSAMA TERHADAP PERMASALAHAN UMMAH

1. Masyarakat secara umumnya masih lagi berbicara berkenaan isu semasa seperti tulisan jawi, penghinaan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dr. Zakir Naik yang masih tidak menampakkan penyelesaian yang tuntas dan melegakan pihak-pihak yang bertelagah. Apa pun yang dibicarakan pada asasnya menzahirkan betapa masyarakat sebenarnya peka dan sensitif dengan suasana persekitaran apatah lagi ianya menyentuh sensitiviti agama, bangsa dan tanah air.
2. Saya mengambil berat dan meneliti isu-isu yang berlaku, namun menurut pangamatan saya kesemua isu hendaklah ditangani mengikut senarai keutamaan dan kepentingan terhadap rakyat negara ini. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kesemua isu ini perlu dianggap penting dan diselesaikan mengikut keutamaan dan sejahtera dengan kepentingan majoriti tanpa mengenepikan hak-hak minoriti. Secara lazimnya, penzahiran terhadap beberapa isu seperti yang ditularkan oleh netizen sehingga menyebabkan masyarakat kurang mempedulikan isu-isu tertunggak yang masih belum diselesaikan seperti isu pencemaran bahan kimia di Pasir Gudang, isu Rang Undang-Undang Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, isu dakwaan jenayah terhadap pembantu rumah dan isu-isu lain yang berbangkit.
3. Saya melihat isu Dr. Zakir Naik merupakan sentuhan sentimen kurang senang dan salah persepsi daripada golongan tertentu yang tidak menyenangi kehadiran beliau yang terdiri daripada golongan ekstremis termasuk **HINDRAF**. Saya menghargai sumbangan dan kepakaran Dr. Zakir Naik dalam pentas dakwah Islamiah. Penerimaan Dr. Zakir Naik sebagai penduduk tetap sudah pasti telah dinilai oleh kerajaan dengan kriteria yang rasional dan munasabah. Adalah tidak wajar kita bersama-sama menyahut seruan menghalau beliau pulang semata-semata meraikan dan mengikut rentak kebencian pihak-pihak tertentu. Beliau adalah tetamu dan saudara seagama kita yang perlu diraikan berasaskan nilai ukhwah dan nilai kemanusiaan yang sekiranya terdapat kekhilafan maka langkah pembetulan perlu diambil yang tidak sampai ke tahap pengusiran. Jika Dr. Zakir Naik dituntut untuk disemak semula status penduduk beliau atas salah persepsi daripada

ucapan beliau yang dikatakan menyemai kebencian kaum dan agama, bagaimana pula dengan **Waytha Moorthy** yang telah menyebarkan kenyataan palsu berupa fitnah berhubung situasi orang bukan Islam, terutama kaum India di Malaysia?

4. Isu penghinaan terhadap Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan suatu perbuatan yang paling tidak beradab dilakukan oleh warga yang mendapat nikmat keamanan dankekayaan daripada jerih payah pihak-pihak yang diperlekehkan. Saya menyokong ucapan tegas YB Mohamad bin Sabu Menteri Pertahanan yang menyebut: "*sesiapa sahaja tidak kira daripada mana-mana kaum yang menghina ATM, dia adalah musuh negara*". Saya menyarankan agar tindakan tegas diambil terhadap **Koon Yew Yin** sebagai menunjukkan ketegasan dalam menegakkan undang-undang atas prinsip "*The Rule of Law*" agar perbuatan tersebut tidak diulangi oleh sesiapa pun.
5. Saya berpandangan bahawa isu pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid sekolah rendah tahun empat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan mulai tahun 2020 merupakan suatu isu yang sepatutnya tidak perlu dipanjangkan kerana pihak kerajaan sewajarnya bertegas tanpa tunduk kepada pihak-pihak tertentu termasuk terhadap **Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong)** yang mempunyai sejarah panjang sebagai pembantah dasar-dasar kerajaan sebelum ini. Saya yakin bahawa kehendak asal perlaksanaan ini sudah mengambil kira objektif dan keperluan yang bersifat holistik untuk kebaikan negara bangsa.
6. Maka, saya mengharapkan ketegasan dan kebertanggungjawaban pihak kerajaan dalam menangani sesuatu perkara yang menimbulkan keresahan dan penerapan konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* yang sering diwara-warakan perlulah dilaksanakan secara menyeluruh. Ingatan Allah dalam surah al-Mumtahanah ayat 9 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari tempat tinggal kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim*". Sampai bila kita harus tunduk kepada tekanan pihak-pihak minoriti dalam memelihara kepentingan umum yang lebih utama dan kritikal?



**Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan**

19 Zulhijjah 1440 H (Selasa)
20 Ogos 2019 M